

Kelembapan ekonomi AS tidak jejas industri tenaga

BH 11 APR 2001

PANTAI REMIS, Selasa - Industri pengeluaran tenaga di negara ini tidak akan terjejas berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat kerana pelbagai langkah yang dijalankan kerajaan sebelum ini.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu, mengenai langkah kerajaan menanganai masalah berkenaan berjaya mengelakkan industri berkenaan daripada terjejas.

"Dengan inisiatif yang diumumkan sebelum ini, mungkin (industri pengeluaran tenaga) tidak terjejas.

"Kerajaan sudah meluluskan cadangan untuk terus memberikan sokongan kepada industri ini bagi memastikan ia tidak menerima kesan buruk

daripada perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat pada masa ini," katanya pada sidang media di Loji Janakuasa Segari, dekat sini, hari ini.

Beliau sebelum itu menghadiri majlis perasmian ketibaan turbin gas yang pertama untuk projek blok ketiga loji berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Malakpff Berhad, Tan Sri Ibrahim Menudin; dan Pengerah Urusan Malakoff Berhad, Ahmad Jauhari Yahya.

Sehubungan itu, kata Moggie, kerajaan tidak bercadang membina lebih banyak loji janakuasa di negara ini berikutan loji se&a ada mampu membekalkan tenaga yang diperlukan sehingga 2005.

"Ketika ini keperluan tenaga bagi seluruh Semenanjung Malaysia ialah kira-kira 9,300 hingga 9,400 megawatt tenaga berbanding kemampuan semua

loji sedia ada yang boleh membekalkan sebanyak 12,000 megawatt tenaga," katanya.

Beliau berkata, setakat ini ada lapan loji janakuasa yang dikendalikan oleh swasta dan ia mencukupi untuk keperluan ketika ini.

"Kita sentiasa mengekalkan margin sebanyak 30 peratus dari tahap permintaan keperluan semasa," katanya.

Malakoff Berhad menerima kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi bagi pembinaan blok ketiga yang berkemampuan mengeluarkan sebanyak 650 megawatt tenaga apabila siap kelak.